

MR D.I.Y. x Visa: Spend & Win FIFA World Cup 2026™ Final Match Trip

TERMA DAN SYARAT

1. PENGENALAN

- 1.1. “MR.DIY x VISA: Spend & Win FIFA World Cup 2026™ Final Trip” (“Kempen”) dianjurkan oleh MR. D.I.Y. Trading Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 200901036305 (879428-V)) (“MR.DIY”) bersama rakan rasmi bagi Kempen ini (“**Rakan Kempen**”) untuk Peserta Layak dengan Penyertaan Layak berpeluang memenangi Hadiah. Dengan menyertai Kempen ini, anda dengan ini bersetuju secara nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh MR.DIY berhubung Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.
- 1.2. Kempen ini bermula pada 12 Mac 2026 hingga 19 April 2026 pada jam 11:59 malam, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
- 1.3. MR.DIY berhak untuk meminda, memendekkan atau melanjutkan Tempoh Kempen mengikut budi bicara mutlak tanpa notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.

2. KELAYAKAN

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap Malaysia, berumur 18 tahun ke atas (pada permulaan Tempoh Kempen) yang memiliki kad pembayaran berjenama VISA yang sah.
- 2.2. Kakitangan MR.DIY dan Rakan Kempen (termasuk syarikat berkaitan dan/atau sekutu, pengedar, wakil jualan, agensi pengiklanan dan promosi atau pihak berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik termasuk pasangan) **TIDAK LAYAK** menyertai Kempen ini.
- 2.3. Individu yang memenuhi kriteria di atas dirujuk sebagai “**Peserta Layak**”.
- 2.4. Hanya Peserta Layak dengan Penyertaan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam **Klausula 4.2** di bawah) boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiah.

3. PENDAFTARAN

- 3.1. Peserta Layak yang mempunyai Penyertaan Layak perlu menghantar penyertaan mereka sebelum tamat Tempoh Kempen dengan mengisi maklumat yang tepat melalui pautan berikut: <https://mrdiy.co/FIFA2026Contest>.
- 3.2. Contoh maklumat yang perlu jelas kelihatan pada resit pembelian dengan Perbelanjaan Layak (“**Resit**”) yang perlu disimpan untuk tujuan pengesahan penyertaan:



1. Jenis / Nama Kad: VISA
2. Tarikh transaksi mestilah dalam tempoh kempen (1 Mac – 19 April 2026)
3. Jumlah perbelanjaan: RM50 atau lebih dalam satu resit
4. Nombor transaksi / nombor invois

Nota: Setiap resit yang dihantar akan diberikan SATU (1) nombor siri rawak bagi setiap penyertaan (satu penyertaan bagi setiap resit pembelian tanpa mengira jumlah perbelanjaan). (Nombor siri adalah untuk rujukan dalaman MR.DIY sahaja dan tidak akan didedahkan kepada Peserta.)

4. **MEKANISME DAN SYARAT KEMPEN**

- 4.1. Peserta Layak perlu berbelanja di mana-mana kedai MR.DIY menggunakan kad pembayaran berjenama VISA, dengan perbelanjaan minimum RM50 dalam satu resit (“Perbelanjaan Layak”) untuk melayakkan diri menyertai cabutan bagi memenangi Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 5.
- 4.2. Setelah pendaftaran berjaya, Peserta Layak perlu memenuhi Perbelanjaan Layak untuk memperoleh “Penyertaan Layak” dan berpeluang memenangi Hadiah.

5. **HADIAH KEMPEN & PENEBUSAN**

5.1. Hadiah

Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	<p>Pakej 4 Malam FINAL MATCH BUNDLE – Trip Eksklusif ke Perlawanan Akhir FIFA World Cup 2026™ di New York New Jersey Stadium untuk 2 orang bernilai RM 286,076.</p> <ul style="list-style-type: none">• Penginapan 4 malam (hotel 4 bintang)• Tiket Perlawanan FIFA World Cup (Kategori 1/2)• Produk Visa Prepaid bernilai USD 600• Pengangkutan lapangan terbang / pemindahan (Motorcoach)• Sarapan harian dan snek ringan di hotel• Pengangkutan ke/dari acara berjadual (Motorcoach)• Hadiah / kemudahan bernilai USD400• Aktiviti / pengalaman budaya• Kaunter hospitaliti Visa di hotel• Sokongan kakitangan acara Visa, perubatan dan keselamatan• 2 tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi	1
Hadiah Saguhati	Barangan Eksklusif FIFA World Cup 2026™ MR.DIY bernilai RM146	100

Sebanyak 101 hadiah akan diberikan sepanjang Tempoh Kempen. Nilai keseluruhan pakej perjalanan mungkin berbeza bergantung kepada musim perjalanan dan termasuk jumlah wang perbelanjaan yang dinyatakan. Pakej perjalanan adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan tarikh perjalanan, ketersediaan dan syarat tempahan lain.

5.2. Pemilihan Pemenang

- 5.2.1. Berdasarkan Penyertaan Layak yang diperoleh, Peserta Layak berpeluang memenangi Hadiah selepas disenarai pendek melalui program pemilihan rawak MR.DIY.
- 5.2.2. Pemilihan akan dijalankan selepas tamat Tempoh Kempen seperti yang akan diumumkan oleh MR.DIY.
- 5.2.3. Mengikut turutan pemilihan oleh program pemilihan rawak MR.DIY, 101 Peserta Layak pertama yang disenarai pendek akan dianggap sebagai pemenang akhir (“Pemenang”) bagi Hadiah Utama dan Hadiah Saguhati.

5.3. Pengumuman Pemenang

- 5.3.1. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan/atau panggilan telefon menggunakan maklumat hubungan yang diberikan dalam penyertaan mereka.
- 5.3.2. Sekiranya percubaan pertama untuk menghubungi pemenang yang layak gagal, contohnya tiada jawapan, nombor telefon tidak berfungsi atau tiada sambungan, dua (2) percubaan tambahan akan dibuat dalam tempoh dua (2) hari bekerja berikutnya selepas panggilan pertama dibuat. Jika percubaan tersebut masih gagal, MR.DIY berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan memilih peserta layak seterusnya sebagai pengganti.
- 5.3.3. Pengumuman pemenang akan dibuat di halaman Facebook MR.D.I.Y. Malaysia [<https://www.facebook.com/mrdiy2u>] dan laman web MR.D.I.Y. Malaysia [<https://mrdiy.co/FIFA2026Contest>].
- 5.3.4. Hadiah tidak boleh ditukar oleh pemenang dengan barangan lain yang mempunyai nilai setara. MR.DIY berhak sepenuhnya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, dipulangkan atau ditukar dalam apa jua bentuk atas apa jua sebab. Nilai hadiah adalah tepat pada masa cetakan. Semua hadiah diberikan atas dasar "seadanya". MR.DIY tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah rosak selepas diterima oleh pemenang.
- 5.3.5. Pemenang mesti menebus hadiah yang dimenangi seperti yang dinyatakan di sini atau mengikut arahan yang diumumkan oleh MR.DIY serta mematuhi butiran kelayakan yang berkaitan sebelum tarikh yang ditetapkan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dilucuthakkan oleh MR.DIY.
- 5.3.6. Peserta mungkin dikehendaki mengemukakan bukti identiti dan Resit semasa atau sebelum penebusan hadiah bagi tujuan pengesahan. Bentuk bukti identiti yang diterima oleh MR.DIY hanyalah Kad Pengenalan Malaysia atau lesen memandu. Kegagalan untuk mengemukakan bukti identiti atau Resit memberi hak kepada MR.DIY untuk membatalkan kelayakan peserta/pemenang.
- 5.3.7. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, MR.DIY dan Rakan Kempen serta ejen mereka tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul akibat sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan terhadap butiran hadiah atau sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah MR.DIY dan/atau Rakan Kempen, serta sebarang tindakan atau kegagalan oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

- 5.3.8. Pemenuhan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan hadiah tersebut. MR.DIY akan memaklumkan kepada pemenang dari semasa ke semasa.
 - 5.3.9. Pemenang yang ingin melantik wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka mesti memastikan wakil tersebut mengemukakan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pemenang, salinan dokumen pengenalan diri pemenang yang sah, serta dokumen pengenalan diri wakil yang sah.
6. Penggunaan Data Peribadi
 - 6.1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada MR.DIY untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka termasuk untuk menyiarkan nama dan imej pemenang bagi tujuan Kempen ini dan/atau selaras dengan Dasar Privasi MR.DIY yang boleh dilihat di <https://www.mrdiy.com/privacy-policy> ("Dasar Privasi").
 - 6.2. Gambar hadiah yang dipaparkan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti atau bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna, model atau spesifikasi sebenar hadiah serta tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.
7. Terma dan Syarat Am
 - 7.1. MR.DIY berhak untuk meminda atau mengubah mekanisme pemilihan pemenang Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa notis terlebih dahulu.
 - 7.2. MR.DIY dan Rakan Kempen tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, pengabaian, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau pemusnahan, akses tanpa kebenaran atau perubahan terhadap komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah teknikal atau kerosakan berkaitan rangkaian telefon, sistem komputer dalam talian, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel akibat masalah teknikal atau kesesakan trafik di internet dan/atau laman web.
 - 7.3. MR.DIY dan Rakan Kempen tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan melaksanakan kewajipan mereka di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian force majeure atau sebarang kejadian dan keadaan di luar kawalan munasabah MR.DIY. MR.DIY berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan, menamatkan, mengubah atau menggantung Kempen ini.
 - 7.4. MR.DIY juga berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk mengeluarkan dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan sekiranya didapati atau disyaki menipu, menggodam, mengganggu proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen.
 - 7.5. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, sebarang peraturan atau arahan lain berkaitan Kempen yang dinyatakan di laman web

<https://mrdiy.co/FIFA2026Contest> atau sebaliknya juga akan mengikat semua Peserta yang menyertai Kempen ini.

- 7.6. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, fi atau perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai, mengambil bahagian atau menerima sebarang manfaat atau hadiah daripada Kempen ini) adalah tanggungjawab sepenuhnya Peserta. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, MR.DIY dan Rakan Kempen serta sekutu, ejen atau wakil mereka tidak akan menanggung sebarang liabiliti atau tanggungjawab terhadap kos, caj, fi atau perbelanjaan tersebut.
- 7.7. Semua keputusan yang dibuat oleh MR.DIY berhubung Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan pemenang dan hadiah Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.